

# Padah hantar komunikasi lucah

Penghantar makanan mengaku salah, didenda RM10,000

Oleh **NOR AZURA MD AMIN**  
**JOHOR BAHRU**

**S**eorang penghantar makanan didenda RM10,000 selepas mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad, atas dua pertuduhan menghantar dan memulakan komunikasi bahan lucah menerusi aplikasi media sosial; dua tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Khair Maani, 25, membuat pengakuan

itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, Muhammad Khair didakwa menggunakan perkhidmatan aplikasi media sosial Instagram secara sedar telah memulakan penghantaran komunikasi berbentuk gambar dan video lucah sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Blok C, Taman Ungku Tun Aminah di sini, pada kira-kira jam 8.50 pagi pada 25 Januari 2020.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan boleh dihukum di bawah

Seksyen 233(3) Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan boleh didenda RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Nur Nazhilah Mohammad Hashim, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Hakim Datuk Che Wan Zaidi meminta semua yang berada di dalam bilik pendakwaan keluar kecuali tertuduh dan pihak pendakwaan bagi memaparkan video dan gambar kejadian untuk tujuan pengesahan.



**Muhammad Khair ketika keluar dari kamar perbicaraan Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Ahad.**